



26 Nov 2015
Kosmo, Malaysia

Author: NOR SYARIZA MUHD. TAHIR • Section: Niaga • Page: 51
Printed Size: 251.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 6,538.87 • PR value: MYR 19,616.61 • Item ID: MY0024556722

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Intai pasaran di Indonesia, Sri Lanka sebagai jaminan pendapatan jangka panjang **MSM teroka sektor huluhan**

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR

KUALA LUMPUR – MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) komited untuk mempelbagaikan portfolio perniagaannya dengan mengintai peluang dalam perniagaan huluhan di Indonesia dan Sri Lanka.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, perancangan yang sedang giat dilaksanakan itu adalah untuk menjamin pertumbuhan jangka panjang syarikat dalam mendepani tahun-tahun ekonomi yang mencabar.

“Buat masa ini, kami sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat dari kedua-dua negara untuk melaksanakan proses pengambilalihan dan penggabungan (M&A) bagi menembusi perniagaan huluhan di sana.

“Sasaran MSM ialah memiliki kira-kira 20,000 hingga 22,000 hektar tanah untuk setiap satu negara yang akan diambil alih menerusi M&A tersebut.

“Bagaimanapun, jangka masa bagi pelaksanaan tersebut masih belum dapat ditetapkan kerana ia bergantung kepada polisi kerajaan di negara terlibat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar berhubung keputusan kewangan kumpulan bagi suku ketiga yang berakhir 30 September 2015 di sini semalam. Turut hadir ialah Ketua Pegawai Kewangan MSM, Aznur Kamar.

Sementara itu, mengenai perkembangan bagi pejabat perdagangannya yang baharu di Dubai, Sheikh Awab menjelaskan, ia telah memperoleh kelulusan untuk memulakan operasi secara rasmi pada 2 Januari 2016.

“Pembukaan pejabat dagangan tersebut, ia akan meningkatkan tahap kompetitif kumpulan di peringkat global dengan men-

jadikan pasaran Asia Barat dan rantau Afrika sebagai sasaran utama.

“Entiti Dubai ini juga akan mempunyai pejabat perwakilan di Jakarta yang akan memulakan operasi pada waktu yang sama,” ujarnya.

Bagi suku ketiga yang berakhir 30 September 2015, MSM merekodkan lonjakan keuntungan selepas cukai sebanyak 33.2 peratus kepada RM63.87 juta berbanding RM47.96 juta yang dicatatkan pada tempoh sama tahun lepas.

Keuntungan sebelum cukai turut meningkat daripada RM64.5 juta kepada RM84.52 juta berbanding tempoh yang sama.

Syarikat pengeluar gula bertapis terbesar negara itu pada masa ini menguasai 64 peratus daripada pasaran tempatan.



SHEIKH AWAB (kiri) dan Aznur pada sidang akhbar mengumumkan keputusan kewangan syarikat di Kuala Lumpur semalam.



26 Nov 2015

Kosmo, Malaysia

Author: NOR SYARIZA MUHD. TAHIR • Section: Niaga • Page: 51

Printed Size: 251.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color

Ad Value: MYR 6,538.87 • PR value: MYR 19,616.61 • Item ID: MY0024556722

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

DISCOVERED

Brand: MSM Malaysia Holdings Berhad
Company: MSM Malaysia Holdings Berhad
Industry: Cooking Ingredient > Bakery Supply
Category: Company News > General News

SUMMARIES

Kuala Lumpur - msm Malaysia Holdings Bhd. (MSM) komited untuk mempelbagaikan portfolio perniagaannya dengan mengintai peluang dalam perniagaan huluhan di Indonesia dan Sri Lanka. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, perancangan yang sedang giat dilaksanakan itu adalah untuk menjamin pertumbuhan jangka panjang syarikat dalam mendepani tahun-tahun ekonomi yang mencabar.